

**THE VALUE OF MALAY TV DRAMA SCRIPT AFFECTS YOUNG COUPLES  
COMMUNICATION IN THE HOUSEHOLD**

**NILAI SKRIP DRAMA MELAYU TV MEMPENGARUHI KOMUNIKASI PASANGAN MUDA  
DALAM RUMAH TANGGA**

Nor Aina Mohd Yaakopi<sup>i</sup> & Fariza Md Sham<sup>ii</sup>

<sup>i</sup> (Corresponding author). Pelajar Ph.D, Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).  
aynayaakop1@gmail.com

<sup>ii</sup> Pensyarah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). farisham@ukm.edu.my

<b>Abstract</b>	<p><i>The phenomenon of Malay drama scriptwriting is growing aligned with the rapid appearance of dramas series on TV hence has gained interest by the author to venture into the world of writing drama scripts. However, the issue that is often being debated is the quality of the script of the drama. Various negative dialogues with relates to communication are followed blindly and some are affected especially the married young couples in the society. Malay drama scripts that are not qualified with negative dialogue communication may have a negative influence on society, especially from the aspect of communication in marriage and family. Therefore, the objective of this study is to identify a negative dialogue in Malay drama scripts that may affect the communication skills of the married young couple in society. This study uses a qualitative method which is a survey method from the aspect of Malay TV drama script value on three Malay dramas namely Korban Kasih on TV1, Tujuh Hari Mencintaiku season one (1) on TV3, Korban Kasih on TV 1 and Pelindung Seorang Puteri on Astro Ria. The results of the study found that some of the dialogues used by the actors were not appropriate such as "Hey Honey, it's good to go to the mosque, don't hook up there" and "what are you cooking, girl?" Not good at all" The scriptwriters are advised to create and choose a dialogue that most benefits and are based on principles of morals, customs of the Malays to ensure that Malay dramas produced are educational in nature that give a good influence to the communications to the married young couples in the society.</i></p> <p><i>Keywords: Scriptwriting, Dialogue, Drama, Malay, Household.</i></p>
<b>Abstrak</b>	<p><i>Penulisan skrip drama Melayu semakin berkembang seiring dengan kepesatan kemunculan drama-drama TV lantas membangkitkan lagi minat para penulis untuk menceburi dunia penulisan skrip drama. Namun, isu yang sering diperdebatkan ialah, mutu dan kualiti skrip drama tersebut. Pelbagai dialog negatif yang berkaitan dengan komunikasi menjadi ikutan dan mempengaruhi masyarakat terutama pasangan muda dalam rumah tangga. Skrip drama Melayu yang tidak bermutu dan dialog yang negatif boleh memberi pengaruh negatif kepada masyarakat khususnya dari aspek komunikasi dalam rumah tangga dan keluarga. Oleh itu, kajian ini mengenalpasti dialog-dialog negatif dalam skrip drama Melayu yang mempengaruhi komunikasi pasangan muda dalam rumah tangga mereka. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu kaedah tinjauan dari aspek nilai skrip drama Melayu TV terhadap tiga buah</i></p>

	<p>drama Melayu iaitu <i>Korban Kasih di TV1, Tujuh Hari Mencintaiku musim satu(1) di TV3, Korban Kasih di TV 1 dan Pelindung Seorang Puteri di Astro Ria</i>. Hasil kajian mendapati, beberapa istilah dan dialog yang dilontarkan oleh pelakon tidak sesuai seperti “Hai abang, pergi masjid tu elok-elok jangan mengatal pula kat sana” dan “apa yang kau masak ni perempuan? Tak sedap langsung”. Para penulis skrip dan penggiat seni disarankan memilih dialog-dialog yang memberi manfaat yang berlandaskan prinsip akhlak, adat resam orang Melayu untuk memastikan drama-drama Melayu yang dihasilkan bersifat mendidik dan mempengaruhi yang baik dalam komunikasi rumahtangga terutama kepada pasangan yang baharu berkahwin.</p> <p><i>Kata Kunci: Penulisan, Skrip, Dialog, Drama, Melayu.</i></p>
--	---

## PENDAHULUAN

Penerbitan karya-karya merupakan nadi kepada drama TV, tidak kira karya tersebut dari segi fiksyen atau pun bukan fiksyen. Jika dilihat kajian itu berbicara berkaitan penulisan skrip secara tidak langsung perhatian kita akan tertumpu kepada proses penulisan skrip dan drama akan dianggap sempurna dan menarik apabila penonton tidak jemu dan bosan dengan jalan cerita yang disampaikan (Mohd Daly et.al, 2014). Dalam kajian Rahimah Bujang (1994) drama masa kini menjadi ikutan utama dalam masyarakat. Drama TV merupakan satu *trend* yang berkembang pesat tanpa batasan. Pembentukan sesebuah drama TV berpandukan skrip yang ditulis oleh penulis skrip sebagai syarat asas dan akan dilakukan oleh para pelakon yang ditugaskan melakukan secara emosi berdasarkan watak yang dipegang. Lakonan di pementasan pentas, internet, video dan radio memerlukan skrip yang menjadi ciri utama moden sehingga kini dan ia juga merupakan unsur penting dalam penulisan skrip kerana penerangan yang berasaskan dialog menjadikan drama tersebut menarik dan daya tarikan drama apabila ia mampu mengikat emosi penonton dari awal babak hingga akhir. Seawal perkembangan drama memainkan peranan yang cukup besar kepada masyarakat (Kathigesu, 1994). Impak ini meliputi proses perubahan dan bentuk komunikasi yang mempengaruhi masyarakat hari ini melalui transformasi media konvensional iaitu internet (Stober, 2004). Umum mengetahui kewujudan drama TV banyak membantu mendidik, menghibur dan membentuk pemikiran penonton, namun apa yang membawa kebingungan masyarakat kini sejak drama TV menjadi tumpuan dan kegilaan ramai, khususnya golongan muda kerana kandungan dan jalan cerita yang dipaparkan bertentangan dengan realiti kehidupan, budaya, adat dan ajaran Islam (Rozalafri, et.al, 2015).

## PERMASALAHAN KAJIAN

Kewujudan drama Melayu TV dalam kehidupan pasangan muda menjadi masalah besar ekoran arus perubahan yang berlaku secara pantas lantaran globalisasi yang menguasai dunia. Perkembangan drama Melayu TV sering memaparkan dialog-dialog yang bertentangan dengan adat resam masyarakat Melayu sehingga melahirkan komunikasi yang kurang baik dan mempengaruhi pasangan muda dalam melayari kehidupan rumahtangga sekaligus banyak memberi kesan yang negatif kepada mereka. Menurut Siti et.al (2018) dalam memenuhi keperluan sesebuah ikatan, komunikasi yang baik dan rasa cinta perlu agar kemesraan dan keserasian dirasai dalam hubungan tersebut. Tambahnya lagi komunikasi yang baik (positif) sangat mempengaruhi kualiti perkahwinan. Namun, perkembangan drama TV moden terdapat pertembungan dengan nilai, adat resam masyarakat Melayu yang penuh kesopanan, kesusilaan dan sifat kelembutan serta ajaran agama Islam. Ini memberi gambaran seolah-olah kehidupan di zaman moden ini lebih mementingkan kebendaan dan gaya hidup yang mewah serta mengabaikan nilai-nilai yang diterapkan dalam masyarakat Melayu. Pasangan muda dahulunya merasakan pembentukan keluarga yang harmoni adalah satu perkara yang amat penting dalam kehidupan mereka akan tetapi mereka mulai keliru dengan paparan-paparan cara dan gaya kehidupan moden

yang disediakan oleh drama TV dan layar filem (Hasrul Hashim & Bahiyah Omar, 2011). . Tambahnya lagi, amalan dan nilai sistem tersebut mula secara perlahan-lahan ditinggalkan oleh pasangan muda dalam rumahtangga mereka.

### **KEPENTINGAN KAJIAN**

Kajian ini akan memberi kepentingan kepada pasangan muda masa kini khususnya dan umumnya kepada para penulis skrip, penerbit, penganjur pertandingan skrip drama bagi menambah baik komunikasi pasangan muda melalui skrip drama. Konsep penulisan skrip drama wajar dijelaskan agar menjadi panduan kepada para karyawan yang mahu mengangkat tema bahasa membentuk komunikasi yang murni dalam diri pasangan muda melalui skrip drama televisyen atau filem. Para karyawan yang terdiri daripada penerbit, penulis skrip, pengarah dan pelakon mestilah mempunyai pemahaman yang jelas tentang drama yang mampu memberi kesan yang baik kepada masyarakat terutama pasangan muda yang baru mendirikan rumahtangga. Ini kerana, selain bersifat menghibur, bahasa skrip drama mempunyai misi menyebarkan nilai-nilai murni kepada masyarakat. Justeru, para karyawan yang menggerakkannya perlu terlebih dahulu memahami konsep penulisan skrip drama agar tidak disalahertikan.

### **BATASAN KAJIAN**

Kajian ini dilakukan terhadap nilai skrip drama Melayu TV. Kajian ini dipilih kerana dalam skrip drama mempunyai dialog-dialog yang memberi pengaruh besar kepada penggunaan bahasa. Dialog-dialog yang benar-benar menepati adat resam masyarakat melayu dan melambangkan akhlak dan nilai yang baik dalam diri setiap pasangan dikaji dan dinilai. Skrip drama juga merupakan salah satu medium yang menjadi perantaraan sosial terpenting dalam memberi nilai serta memupuk kesedaran berbahasa seseorang yang semakin lama semakin hampir terhakis dek banjir skrip drama-drama yang tidak mementingkan aspek dialog-dialog yang tulus, sopan dan santun serta berhemah. Skrip drama atau filem lebih mudah mempengaruhi minda masyarakat kerana penonton dalam menjivai lakonan yang dilakonan oleh pelakon.

### **KAEDAH KAJIAN**

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu kaedah tinjauan dari aspek nilai skrip drama Melayu TV terhadap tiga buah drama Melayu iaitu Korban Kasih di TV1, Tujuh Hari Mencintaiku di TV3 dan Pelindung Seorang Puteri di Astro Ria. Kaedah tinjauan terhadap drama-drama Melayu TV bersesuaian dengan bentuk kajian yang dilakukan bagi memperolehi bahan-bahan kajian. Selain itu, paradigma ini didasari oleh falsafah yang mampu memberi gambaran yang menyeluruh tentang sesuatu fenomena yang dikaji. Ini kerana makna-makna yang diberikan akan dikembangkan dengan pemahaman penyelidik yang berasaskan kepada keseluruhan data kajian tersebut. Analisis kaedah ini bertujuan untuk memahami bagaimana situasi komunikasi pasangan muda setiap hari, di dalam persekitaran semula jadi mencipta makna dan mentafsirkan peristiwa-peristiwa yang berlaku disekeliling mereka (Wimmer & Dominick, 2011). Justeru, ini memandu penyelidik menganalisis data kajian sehingga menghasilkan dapatan kajian nilai skrip drama Melayu TV mempengaruhi pasangan muda dalam rumahtangga yang ditulis secara kronologi berdasarkan dialog-dialog yang terdapat dalam drama-drama tersebut.

### **SOROTAN LITERATUR**

#### **Penulisan Skrip**

Menurut Mohd Daly Daud et.al (2014), penulisan skrip berkaitan dengan idea seterusnya dikembangkan agar menjadi isu, masalah atau persoalan berkaitan dengan siri-siri kajian dan semua ini saling berkaitan yang menjadi penyumbang kepada proses penulisan skrip. Isu, masalah dan persoalan dalam proses penulisan skrip di susun dengan baik dan diikuti

unsur-unsur seni serta teknikal agar memenuhi matlamat dan keperluan dalam penghasilan skrip drama yang baik.

Asiah Sarji et al.1997, penulisan skrip diperlukan oleh pengarah atau penerbit kerana arahan dan skrip yang akan menerangkan secara mendalam dan terperinci mengenai jalan cerita. Skrip juga merupakan proses pembikinan drama itu akan dilihat lebih tersusun, sempurna dan membolehkan penerbit, pengarah dan krew mengetahui serta memahami aspek-aspek penyusunan sudut kamera, audio dan masa khas yang ditetapkan dalam penghasilan drama.

### **Dialog**

Menurut Ghazali Basri (1990), dialog adalah suatu bicara, komunikasi antara dua pihak atau lebih sama ada secara formal atau tidak formal. Selain itu, dialog bukannya semata-mata satu siri perbincangan malahan ia adalah satu cara berfikir yang baru; satu cara untuk melihat alam dan kehidupan serta maknanya. Ciri utama sesebuah drama adalah naskah yang berbentuk dialog. Jalan cerita yang diwujudkan dalam drama melalui dialog dan gerak yang dilakukan para pelakon. Dialog merupakan percakapan antara pelakon dengan pelakon yang lain (Endraswara, 2011).

Waluyo (2002) menyatakan dialog dalam drama adalah komunikasi yang biasa dalam kehidupan yang nyata. Ragam, tingkahlaku dan bahasa digunakan dalam dialog mencerminkan budaya dan komunikasi dalam kehidupan seharian. Tegasnya lagi dialog yang digunakan dalam drama seharusnya baik dan indah tanpa ada penggunaan bahasa atau komunikasi yang kurang baik didengari. Penggunaan bahasa di dalam dialog drama adalah untuk menterjemahkan mesej agar lebih realistik. Tanpa dialog yang baik, penceritaan dalam drama tersebut boleh dianggap tidak berjaya dan akan lemah serta kurang meyakinkan penonton. Oleh itu, dialog dalam sesebuah karya atau drama merupakan medium yang sesuai untuk menzahirkan kreativiti di samping mengungkapkan peristiwa. Kreativiti yang ingin di paparkan melalui tema, plot, watak dan perwatakan jika diadun dengan penggunaan dialog yang meyakinkan boleh menjadikan drama itu bermakna dalam penyampaian mesejnya (Otman Yahya, 2018). Dalam konteks karya yang dihasilkan, paparan dalam penceritaan bahasa dimanifestasikan melalui peristiwa yang menggunakan dialog perlulah disampaikan dengan baik dan jujur agar maklumat yang diterima oleh penonton bebas tanpa sebarang konflik (Sara & Irdirawati, 2016).

### **Drama Melayu**

Perkataan drama berasal daripada bahasa Yunani, dran atau draomai yang bererti gerak. Gerakan yang halus, gerakan seni yang membawa unsur-unsur keindahan dan keseronokan. Gerakan ini dihubungkan dengan tarian, nyanyian, dan lakonan yang membawa cerita nyata atau simbolik. Drama juga dikatakan persembahan drama teater dan berkaitan dengan unsur nyanyian, tarian dan lakonan. Drama adalah satu kisah yang didramatisasi dan ditulis untuk dipersembahkan di atas pentas oleh sejumlah pelakon. Melalui hubungan dengan para pelakon, drama diertikan sebagai ragam kesusasteraan yang disajikan dalam bentuk teks atau naskah (Mohd Rosli Saludi, 2012).

Faizah Ghazali Mohamad (2017) memberi erti berkaitan dengan drama Melayu merupakan pengucapan pengalaman budaya dan pencerminan dari realiti sosial budaya. Hal ini kerana, drama Melayu mampu memaparkan budaya-budaya yang terdapat dalam sesuatu masyarakat. Kesemuanya itu menyerlahkan lagi pelbagai nilai kemanusiaan, keragaman nilai masyarakat yang memperlihatkan dua segi nilai kehidupan iaitu murni dan cemar, bersih dan kotor, kemanusiaan dan kehaiwanan yang sekaligus menunjukkan sikap individu, kelompok insan itu sendiri. Menurutnya lagi, drama Melayu merupakan salah satu medium yang digunakan untuk melihat keseluruhan cara hidup yang meliputi kelakuan, kebudayaan dan kepercayaan sesebuah kelompok sosial. Hal ini kerana, hanya melalui karangan hasil karya masyarakat lain dapat mengetahui kejadian yang berlaku dalam masyarakat yang lainnya.

### **Komunikasi**

Komunikasi adalah suatu proses penyampaian maklumat atau pesanan dari satu pihak kepada pihak yang lain agar terjadi keadaan yang mempengaruhi perbuatan seseorang. Menurut Mary Munter, komunikasi yang baik apabila memenuhi kehendak pendengar dan strategi yang tepat serta betul agar maklumat yang disampaikan diterima dan disambut dengan baik. Perhubungan antara manusia akan melibatkan perkongsian dan pertukaran idea. Dari dua aspek itu akan berlaku komunikasi yang turut melibatkan maklumat dan perasaan. Komunikasi juga bukan hanya melibatkan percakapan namun penulisan juga turut juga dikira komunikasi, malah bahasa badan, gaya dan tingkah laku seseorang semua dikatakan komunikasi kerana komunikasi adalah untuk menjalinkan sesebuah perhubungan, dan menyampaikan berita. Saundra Hybels dan Richard L. Weaver II (2004).

### **Rumah Tangga**

Rumah tangga ialah sistem kekeluargaan yang diwujudkan suami isteri bagi membentuk sebuah masyarakat yang baik dan harmoni (Mariam et.al, 2017). Dalam kajian Rakhma Annisa Putri & Thomas Aquinas Gutama (2018), rumahtangga atau keluarga terdiri daripada suami, isteri dan anak-anak yang mempunyai latar belakang yang sama. Rumahtangga merupakan satu masyarakat kecil permulaan kepada pembentukan dan perkembangan masyarakat dan negara. Jika masyarakat di dalam rumahtangga yang dibina itu baik dan harmoni akan terlahirlah masyarakat yang berdaya saing dan baik (Jawiah Dakir, 1996).

### **ANALISIS KAJIAN**

Setelah menganalisis ketiga-tiga drama Melayu TV iaitu Tujuh Hari Mencintaiku musim satu (1) di TV 3 yang mempunyai 28 episod, Korban Kasih di TV 1, 30 episod dan Pelindung seorang Puteri di Astro Ria, 16 episod. Analisis menggunakan kaedah kualitatif iaitu kaedah tinjauan dari aspek nilai skrip, pengkaji mendapati bahawa terdapat beberapa unsur kebudayaan Melayu, adat resam Masyarakat Melayu dan elemen agama Islam masih wujud dan masih diamalkan. Elemen agama Islam dan juga adat masyarakat Melayu yang telah dipersembahkan dengan baik oleh penulis skrip melalui adegan-adegan penyiarannya kepada audiens. Antara elemen pemaparan agama Islam yang hadir menerusi drama-drama Melayu TV ini adalah dari sudut perkahwinan dan penceraian, solat berjemaah di masjid, pemakaian dalam Islam, penjagaan batas antara lelaki dan perempuan serta adegan bersalaman. Manakala dari sudut adat Melayu yang dipaparkan pula adalah dari segi adab amalan panggilan "Abang Long" dan "Kak Long" dalam kalangan masyarakat Melayu serta penggunaan status dalam kehidupan realiti sosial.

### **Pemaparan Elemen Islam**

Kajian ini mendapati bahawa walaupun drama-drama Melayu TV ini merupakan drama-drama Melayu TV yang moden, namun penulisan skrip sememangnya amat peka dengan memasukkan dan tetap menekankan ciri-ciri keislaman dalam drama-drama ini. Namun begitu, tidak semua episod mengandungi elemen pemaparan Islam dan hanya beberapa episod sahaja yang dilihat terdapatnya penonjolan kepada pemaparan elemen Islam. Justeru itu dari aspek naratif, ruang keagamaan yang terdapat dalam kajian ini masih belum menyeluruh kerana masih terdapat beberapa adegan ajaran agama Islam yang tidak diikuti sepenuhnya, contohnya penutupan aurat dan penjagaan batas lelaki dan wanita.

Walaupun drama ini pada asasnya mengisahkan kehidupan yang berteraskan kemodenan, namun ciri-ciri dan nilai Islam seperti menghormati orang yang lebih berusia itu tetap ditonjolkan kepada penonton. Sebagai contoh Mia dibesarkan di tengah-tengah kota bandar Kuala Lumpur dan dididik dengan cara yang serba moden dan mewah, namun Mia tetap bersalaman dan mencium tangan Khuzairi sebagai suaminya dan Pak Samad sebagai bapa mertuanya. Ini selari dengan apa yang dinyatakan oleh Nazra (2020) bahawa bersalaman dan berjabat tangan adalah suatu amalan mulia yang disyariatkan dalam Islam

serta ianya juga melambangkan simbol meliputi ikatan sebuah hubungan sosial dan kekeluargaan.

### **Pemaparan Adat Melayu**

Pemaparan bagi elemen adat dan budaya masyarakat Melayu sememangnya wujud di dalam ketiga-tiga drama Melayu TV ini. Akan tetapi, tidak kesemua drama-drama Melayu TV ini memaparkan dan merangkumi budaya masyarakat Melayu yang sebenar kerana ada juga unsur Barat yang diamalkan dalam drama-drama Melayu TV ini. Hal ini disebabkan kerana penulis skrip ini lebih menonjolkan sentimen kemodenan dan kehidupan bandar yang canggih dan membangun dengan penggunaan latar tempat yang moden sebagaimana penceritaan bagi karya asal drama-drama Melayu TV ini. Namun begitu, ciri dan nilai kemelayuan itu masih tetap tersemat rapi dan dipersembahkan dengan baik oleh penulis skrip kepada audiens.

Antara contoh adegan yang memaparkan adat dan budaya masyarakat Melayu adalah membuka kasutnya untuk masuk ke dalam rumah. Ini jelas mencerminkan budaya ketimuran serta menjaga kebersihan yang diterapkan oleh kebanyakan masyarakat Asia. Hal ini juga dilihat selari dengan ajaran Islam itu sendiri yang sentiasa mengutamakan kebersihan. Menurut Naza (2020), memakai kasut di dalam rumah adalah sebuah perlakuan yang tidak sopan bagi masyarakat Melayu kerana dianggap tidak bersih dan kotor. Tambahnya lagi, amalan membuka kasut sebelum masuk ke dalam rumah sudah menjadi adat dan amalan masyarakat Melayu sejak dari dahulu lagi.

### **HASIL PERBINCANGAN**

Hasil perbincangan mendapati bahawa keseluruhan drama-drama Melayu TV ini pada dasarnya memaparkan sisi kemodenan walaupun banyak adegan di ambil di sekitar Kuala Lumpur kawasan kampung. Lantaran itu, kebanyakan karakter yang muncul di dalam drama-drama Melayu TV ini juga merupakan golongan elit, selebriti dan pereka fesyen. Hal seperti ini juga dilihat sebagai salah satu faktor penyumbang kepada sisi kehidupan modenisasi yang terlihat dalam karakter drama-drama Melayu TV ini. Hal ini dapat dilihat dengan jelas dalam episod 3 dalam drama *Tujuh Hari Mencintaiku 1* di TV 3 iaitu ayah Mia Adriana, Dato Megat Idrus menggunakan sudu dan garfu ketika makan malam. Selain itu, dalam episod 5, Khuzairi menegur Mia supaya tidak bermasam muka ketika makan kerana dilihat sebagai perbuatan yang kurang sopan sebagai orang Melayu. Ini membuktikan elemen kemelayuan tersebut tetap disemat oleh penulis skrip dan dipertontonkan kepada khalayak walaupun mereka hidup dalam zaman kemodenan. Selain itu, elemen pakaian juga dilihat lebih menjurus ke arah kehidupan moden serta pemakaian kepada baju kebangsaan seperti baju kurung dan juga baju Melayu ketika di masjid dan solat berjemaah sahaja. Hal ini juga termasuk kepada pemaparan bagi elemen Islam seperti pemakaian tudung juga hanya kelihatan pada adegan tertentu sahaja. Hal ini selari dengan pernyataan Norfaizah dan Zulkifli (2017) iaitu masyarakat Melayu kini sudah mula untuk menerima budaya lain yang telah berasimilasi ke dalam budaya Melayu kerana dasar keterbukaan yang diamalkan sejak dari zaman dahulu asalkan tidak mengganggu-gugat dan bertentangan dengan ajaran Islam.

### **KESIMPULAN**

Skrip drama boleh mempengaruhi komunikasi pasangan muda melalui dialog yang terdapat dalam drama tersebut kerana drama masa kini bukan hanya untuk mendapatkan hiburan semata-mata malah lebih kepada pendidikan. Pengaruh komunikasi pasangan muda dalam rumahtangga adalah disebabkan dialog-dialog yang digunakan dalam drama ini amat dekat dengan jiwa mereka. Skrip drama bersifat positif mampu membentuk banyak pengajaran yang boleh diikuti oleh pasangan muda. Penerimaan yang baik ini juga kerana setiap skrip drama yang dipaparkan merupakan kisah-kisah yang benar dan mencerminkan cara kehidupan masyarakat yang menontonya. Skrip drama yang baik mampu mendidik

masyarakat ke arah kebaikan dan dalam masa yang sama sebagai satu medium hiburan untuk masyarakat.

## RUJUKAN

### Buku

- Asiah Sarji, Faridah Ibrahim & Mazni Buyung. 1997. *Keadaan dan Permasalahan Penulis dan Penulisan Skrip*. Kuala Lumpur: Finas.
- Ghazali Basri. 1990. *Christian Mission And Islamic Da'wah In Malaysia*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.
- Karthigesu, R. 1994. *Sejarah Perkembangan Televisyen di Malaysia (1963-1983)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mary Munter. 2006. *Guide to Managerial Communication. Effective Business Writing And Speaking*. America: PEARSON Prentice Hall, 7<sup>th</sup> Ed.
- Muhammad Jeffery Hizwan Said. 2018. *Kepentingan Teori Komunikasi Kepada Masyarakat*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Othman Yahya. 2018. *Analisis Dialog dalam Filem Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Pustaka dan Bahasa.
- Rahmah Bujang. 1994. *Drama Melayu: Dari Skrip ke Pentas*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Saundra Hybels dan Richard L. Weaver II. 2004. *Communicating Effectively*. New York, 7<sup>th</sup> Ed.
- Wan Norhasniah Wan Husin. 2012. *Peradaban dan perkauman di Malaysia: etnik-etnik Melayu dan Cina*. Kuala Lumpur: Universiti Malaysia.
- Wimmer, R. D. & Dominick, J. R. 2011. *Mass Media Research: An Introduction*. Boston: Wadsworth Publishing, 9<sup>th</sup> Ed.

### Jurnal

- Che Su Binti Mustaffa & Nan Zakiah Megat Ibrahim. 2014. *Persepsi dan Penggunaan Media Sosial dari Perspektif Ibu Bapa: Satu Analisis Kualitatif*. Jurnal Komunikasi, 30(1).
- Hasrul Hashim & Bahiyah Omar. 2011. *Transformasi Penyiaran Televisyen Melalui Internet: Kajian Perhubungan Kepuasan Terhadap Pengguna Remaja*. Malaysian Journal of Communication, 28(1).
- Ika Destiana, Ali Salman & Mohd. Helmi Abd. Rahim. 2013. *Penerimaan Media Sosial: kajian dalam kalangan pelajar universiti di Palembang*. Jurnal Komunikasi, 29(2).
- Jawiah Dakir. 1996. *Asas pembentukan keluarga menurut perspektif al-Quran dan al-Sunnah*. Jurnal Antarabangsa Pengajian Islam, 17(2).
- Mariam Abd. Majid & Mohammad Syafirul Zarif Saleh Hudin. 2017. *Perceraian Rumahtangga di Negeri Selangor Darul Ehsan Dan Pendekatan Menanganinya*. e-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi, 4(2).
- Md Rozalafri Johori, Megat Al-Imran Yasin, Rosya Izyanie Shamsudeen, Nor Azura Adzharuddin. 2015. *Syarat Penerbitan TV Patuh Syariah: Suatu Refleksi*. 1<sup>st</sup> National Conference on Communication Research & Exhibition, 4(10).
- Mohd Daly Daud, Nursyamimi Harun, & Md. Rozalafri Johori. 2014. *Isu-Isu Penulisan Skrip: Masalah Yang Memerlukan Penyelesaian*. Journal of Management & Muamalat, 5(2).
- Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff & Muammar GhadDaffi Hanafiah. 2015. *Impak Media Baharu Terhadap Sistem Nilai Masyarakat Melayu di Malaysia*. Malaysian Journal of Communication, 31(2).
- Nazra Aliff Nazri Abdul Latiff Ahmad. 2020. *Drama Adaptasi Korea: Suatu Analisis Terhadap Pemaparan Agama dan Adat dalam Drama 'Alamatnya Cinta'*. Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication, 3(4).
- Norfaizah Ghazali & Zulkifli Mohamad. 2017. *Pengaruh Budaya Dalam Drama Bisikan Malaya*. Journal Of Kesidang, 2(1).

- Rakhma Annisa Putri & Thomas Aquinas Gutama. 2018. *Strategi Pasangan Suami Istri Dalam Menjaga Keharmonisan Keluarga Wanita Karir*. Journal of Development and Social Change, 1(1).
- Sara Beden & Indirawati Zahid. 2016. *Pemetaan Struktur Peristiwa Bahasa: Komunikasi Bebas Konflik*. Journal of Language Studies, 16(1).
- Siti Marziah Zakaria, Salina Nen, Abdul Rahman Ahmad Badayai & Nor Hazila Mat Lazim. 2018. *Kualiti Perkahwinan Pada Fasa Pertama Perkahwinan (1-10 Tahun): Pengaruh Gaya Komunikasi Dan Penyesuaian Hidup*. Journal of Social Sciences and Humanities, 16(7).
- Stober, R. 2004. *What Media Evolution is: A theoretical Approach to the History of New Media*. European Journal of Communication, 19(4).

**Penafian**

*Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.*